


# Mengupas isu Bumiputera dalam sektor perabot



**KEJAYAAN YANG TERTUNDA:  
MENGUPAS PRESTASI  
USAHAWAN BUMIPUTERA  
DALAM SEKTOR PERABOT**

Jegatheswaran Ratnasingam



peka



→ Buku yang dijual dengan harga RM50 itu boleh dibeli di UPM dan pejabat PEKA

**Kuala Lumpur:** Industri perkayuan dan perabot menjadi satu daripada sektor ekonomi yang penting untuk negara malah pada 2017, nilai eksport produk kayu mencecah hampir RM23.2 bilion, manakala eksport produk perabot pula mencatatkan nilai sebanyak RM10.1 bilion.

Pasaran tempatan untuk produk kayu pula dianggarkan sebanyak RM15 bilion pada 2017 malah industri perkayuan dan perabot turut menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 190,000 orang.

Meskipun begitu, prestasi pencapaian usahawan Bumiputera dalam sektor perabot secara umumnya tidak begitu memberangsangkan iaitu pada 2017, jumlah eksport

perabot usahawan Bumiputera hanyalah 0.08 peratus daripada jumlah eksport perabot negara.

Bagi mencari punca dan penyebab situasi itu berlaku, Persatuan Usahawan Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera Malaysia (PEKA) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menjalankan kajian terperinci mengenai pencapaian usahawan Bumiputera dalam sektor perabot negara.

## I lebih cedilil

Hasil daripada kajian itu dibukukan dalam buku bertajuk *Mengupas Prestasi Usahawan Bumiputera dalam Sektor Perabot*, tulisan Pensyarah

Fakulti Perhutanan UPM, Prof Dr Jegatheswaran Ratnasingam.

Prof Jegatheswaran berkata, intipati kajian yang dimuatkan dalam buku berkenaan menghuraikan beberapa faktor yang menarik perhatian, termasuklah pegangan ekuiti usahawan Bumiputera dalam sektor perkayuan dan perabot yang berada pada tahap 35 peratus pada 1980an dan menyusut kepada lima peratus pada 2017.

Katanya, kajian turut mendapati, tanpa satu agensi yang mengawal segala aktiviti pembangunan usahawan Bumiputera dalam industri perkayuan dan perabot, aktiviti itu akan bertindih dan membantutkan usaha bagi mencapai objektif seperti yang disasarkan.